



**Jabatan Perkhidmatan Kuarantin & Pemeriksaan Malaysia  
(MAQIS)**

**NOTIS PEMAKLUMAN**

Tarikh : 07 Jun 2024

**KEPADA PEMEGANG TARUH BERKAITAN PENGIMPORAN HAIWAN KESAYANGAN**

Ybhg. Tan Sri/Dato'/Dr/Tuan/Puan

**NOTIS PEMAKLUMAN SESI LIBAT URUS BERSAMA PEMEGANG TARUH BERKAITAN  
PROSEDUR KUARANTIN HAIWAN KESAYANGAN IMPORT SEPANJANG PENUTUPAN  
SEMENTARA OPERASI STESEN KUARANTIN HAIWAN KLIA, SEPANG, SELANGOR**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara diatas adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan akan mengadakan Sesi Libat Urus Bersama Pemegang Taruh Berkaitan Prosedur Kuarantin Haiwan Kesayangan Import Sepanjang Penutupan Sementara Operasi Stesen Kuarantin Haiwan Klia, Sepang, Selangor. Sesi libat urus ini bertujuan adalah untuk memberikan penerangan berkaitan penutupan sementara bagi proses pembinaan Pusat Biosekuriti Bersepadu (IBC) dan pelan sokongan yang berkaitan kepada pemegang taruh termasuk pemunya haiwan kesayangan. Sehubungan itu, sesi libat urus ini akan diadakan seperti ketetapan yang berikut:

**Tarikh : 13 Jun 2024 (Khamis)**  
**Masa : 9.30 pagi sehingga 12.30 tengahari**  
**Tempat : Bilik Mesyuarat MAQIS Selangor,  
Kompleks Kuarantin KLIA Sepang**

3. Kepada yang berminat untuk hadir ke sesi tersebut, Ybhg. Tan Sri/Dato'/Dr/Tuan/Puan adalah dimohon untuk mengisi pengesahan kehadiran melalui pautan *qr code* seperti di Lampiran dan dihantar kepada pihak urusetia sebelum atau selewat-lewatnya pada 11 Jun 2024 (Selasa) jam 2.00 petang. Sebarang pertanyaan berhubung dengan perkara ini boleh berhubung dengan Pihak Urusetia di talian 03-87871090. Segala kerjasama dan perhatian pihak Ybhg. Tan Sri/Dato'/Dr/Tuan/Puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**PENGUATKUASAAN BERINTEGRITI**

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(MOHD SOBRI BIN MD HASHIM)**

**SESI LIBAT URUS BERSAMA PEMEGANG TARUH BERKAITAN PROSEDUR KUARANTIN  
HAIWAN KESAYANGAN IMPORT SEPANJANG PENUTUPAN SEMENTARA OPERASI  
STESEN KUARANTIN HAIWAN KLIA, SEPANG, SELANGOR**

